

Tak pinggir Orang Asli

Pelbagai kemudahan selain PPRT disediakan sama seperti masyarakat lain



Metro 25/4/12 MS16.

>>Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

KUANTAN: Tinggal jauh di pedalaman dan pinggir hutan bukan penghalang kepada usaha kerajaan menghulurkan pelbagai bantuan dan kemudahan diperlukan masyarakat Orang Asli di negara ini.

Selain perumahan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), kemudahan lain turut disediakan kepada masyarakat itu ialah jalan, saham, dewan, bantuan persekolahan, perubatan dan terbaru, peluang pekerjaan dengan

pendapatan lumayan. Bagi Maisarah Long Chik, 62, yang tinggal di Kampung Merbau, Maran, masyarakat Orang Asli seharusnya bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan yang menyediakan pelbagai kemudahan untuk mereka.

Menurutnya, sebelum ini Orang Asli tidak pernah terfikir akan mampu menikmati kemudahan seperti rumah, peluang pekerjaan dan bantuan persekolahan sama seperti masyarakat lain di negara ini.

Katanya, tanpa sokongan dan keprihatinan kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun



ANI...banyak kemudahan disediakan

Razak, Orang Asli hari ini mungkin terpaksa terus tinggal dalam hutan dan mengamalkan gaya hidup berpindah-randah.

"Saya gembira kemajuan negara hari ini turut dapat dikecapi Orang Asli dan tinggal jauh di pedalaman tidak menghalang kerajaan menyalurkan apa juga bantuan dan kemudahan diperlukan dari semasa ke semasa.

"Orang Asli tidak pernah dipisahkan dengan kepesa-



TINI...rumah PPRT beri keselesaan

tan ekonomi sekarang kerana kerajaan menyediakan bantuan menerusi agensi seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa)," katanya.

Tok Batin Kampung Meranti, Nenasi, Pekan, Ani Membek, 54, berkata kerajaan menyediakan banyak kemudahan kepada Orang Asli, termasuk bekalan air paip, elektrik, jalan, dewan, sekolah, balai raya, perubatan dan pekerjaan," katanya.

Bagi Tini Bahrom, 35, ban-



MAISARAH...berterima kasih kepada kerajaan

tuan rumah PPRT diterimanya memberi lebih keselesaan kepadanya sekeluarga yang sebelum ini tinggal bersama ibu bapa.

"Kami berterima kasih kepada kerajaan yang mengambil berat kemudahan masyarakat Orang Asli serta menyediakan bantuan, termasuk saham projek Tanaman Semula Berkelompok (TSB) yang membantu menambah pendapatan," katanya yang tinggal di Kampung Merbau.